

## PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA BIL 3/2021

29 November 2021, MELAKA - Perhimpunan Bulanan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka Bil 3/2021 telah diadakan pada 26 November 2021 bertempat di Jabatan Alam Sekitar Cawangan Taboh Naning, Melaka. Antara pengisian aktiviti pada perhimpunan tersebut adalah Program Tanam Pokok Sempena Program Penghijauan Malaysia dan gotong-royong aset stor teknikal yang melibatkan seluruh keluarga Jabatan ini.

Penyampaian sijil kepada pegawai-pegawai yang memperolehi Sijil Kompetensi Certified Environmental Professional in Bag Filter Inspection (CePBFI), Orang Berwibawa Dalam Pengendalian dan Penggunaan Alat Pengukuran Meter Gas, Asap dan Bunyi Bising dari Motosikal, Sijil Pelantikan Pegawai Aset, Sijil Pelantikan Lembaga Pelupusan Aset, Penyerahan Surat Pelantikan Jawatankuasa Induk EKSA 2022 serta Penyerahan Aset JAS 2021 telah turut disempurnakan.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama